

ADAT PERPATIH.

MASYARAKAT DAN PERUBAHAN
(ANT 2001)

DIPLOMA PEMBANGUNAN MANUSIA
EKOLOGI MANUSIA

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1998/99

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

ANT-2001

PERUBAHAN DAN MASYARAKAT

TAJUK: ADAT PERPATIH

ANLI KURIPULAN

252

1 . ERANA BT. ABD SEMAN	59186
2 . SITI ZALEHA BT. ABD WAHAB	58719
3 . ZURAIDAH BT. AMNIN	59090
4 . NUR AIDAH BT. RASHID	58894
5 . MAZLINA BT. MAHADHIR	58691
6 . NURZAFIFA BT. KAMARUNZAMAN	58762
7 . MARLINA BT. RAMLY	59050
8 . RINA AZRIN BT. ABD RAHMAN	65162
9 . NURUL SYAHIDA BT. MAT ARSHAD	58931

Penghargaan

Assalamualaikum w.b.t.

Alhamdulillah, kami bersyukur ke hadrat Ilahi kerana kami dapat menyiapkan tugas yang bertajuk ADAT PERPATIH dalam tempoh masa yang di tetapkan. Laporan kajian ini adalah hasil kerjasama dan bantuan dari pelbagai pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

Penghargaan dan rasa terhutang budi yang sesungguhnya tidak dapat dilahirkan dengan beberapa baris ayat. Namun begitu, kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah yang kami hormati ENCIK NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM sebagai pensyarah kursus ANT 2001 dan fasilitator kami dalam menyediakan dan mengemaskinikan tugas ini.

Terima kasih juga atas kesudian ENCIK NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM kerana sudi meluangkan masa untuk mengkritik dan memperbetulkan kesilapan dan kekurangan tugas kami bagi menghasilkan mutu kerja yang baik.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada semua ahli kumpulan kami yang terdiri daripada Era, Eda, Siti, Aida, Maz, Fifa, Jaja, Ina dan Rina yang bertungkus-lumus dan sanggup berkorban masa untuk menyediakan dan menyiapkan tugas serta memberi komitmen yang tinggi sepanjang pemprosesan tugas ini. Ini kerana kami memegang satu prinsip 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'.

Sekian terima kasih

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	
PENGENALAN	1
ADAT PERPATIH BERASAL DARI MINANGKABAU	7
SEBAB-SEBAB DIBERI NAMA ADAT PERPATIH	9
HIDUP PELBAGAI KAUM	12
PECAHAN-PECAHAN SUKU DAN PENTADBIRANNYA	14
HIDUP DALAM SUKU-SUKU	16
LUAK DAN SUKU-SUKU	18
SEMENDA-BERSEMENDA	20
PERTALIAN ANTARA SUKU-SUKU	22
KEDIM-BERKEDIM	24
PEMERINTAHAN BERPEWAKILAN	26
RAJA TIADA BERNEGERI	28
KEPERIBADIAN SEORANG PEMIMPIN	30
CARA-CARA MEMBAHAGI HARTA	34
ADAT YANG SENTIASA BAHARU	37

RAJA TIADA BERNEGERI

Serangkap pepatah menyatakan bahawa:

*"Anak-anak buah nan Berbuapak,
Suku nan Berlembaga,
Luak nan Berpenghulu,
Jika negeri diberi Beraja".*

Menurut pepatah ini, setiap negeri mestilah mempunyai seorang raja tetapi kedudukan raja dalam masyarakat Adat Perpatih adalah berlainan daripada raja-raja negeri lain. Seperti di Naning, walaupun Adat Perpatih masih dipegang teguh, iaitu dengan mempunyai seorang Dato' Penghulu iaitu Dato' Naning, namun pada dasarnya negeri itu tidak mempunyai seorang raja. Ini berlaku kerana Luak Naning adalah berhampiran dengan Kota Melaka. Iaitu sejak tahun 1511 lagi, Kota Melaka telah ditakluk oleh orang-orang Portugis dan bangsa asing. Maka sejak tahun 1511 lagi, Luak Naning tidak mempunyai seorang raja. Tetapi berlainan pula dikalangan orang-orang Minangkabau di Rembau dan Luak-luak yang lain di Negeri Sembilan, seperti pepatah di bawah:

*" Beraja ka Johor,
bertali ka Siak,
bertuan ka Minangkabau".*

Walaupun sejarah tidak membuktikan dengan tepat bahawa semua orang Minangkabau di Negeri Sembilan benar-benar beraja di Johor, tetapi bukti menunjukkan orang Minangkabau mempunyai perhubungan dengan Siak dan Minangkabau. Ini adalah kerana kebanyakan orang Minangkabau yang datang ke Negeri Sembilan berasal dari Siak.

Orang Minangkabau di Rembau telah mengundang seorang raja dari Pagar Ruyong di Minangkabau untuk menetap di Negeri Sembilan. Raja itu diberi kuasa penuh dalam Lingkungan yang dikhaskan baginya di Seri Menanti dalam daerah Kuala Pilah


(pada satu masa dahulu dikenali sebagai Luak Ulu Muar), dengan menyandang gelaran Yamtuan (Yang di-pertuan) Seri Menanti.

Pepatah dalam Luak Rembau mengatakan “Raja itu tiada bernegeri”. Maksudnya dahulu Yamtuan itu dikatakan “Raja tiada bernegeri” kerana sebenarnya beliau tidak berkuasa ke atas mana-mana Luak dalam Negeri Sembilan kecuali di Lingkungannya sahaja, iaitu Seri Menanti. Ini juga kerana setiap Luak mempunyai pentadbiran dan pemerintahan yang berdaulat di bawah pimpinan Dato’ Penghulu dan undang-undangnya sendiri.

Namun begitu, Raja Minangkabau tidak mempunyai kuasa sepenuhnya meskipun kedudukannya diakui oleh penduduk Minangkabau. Ini kerana segala kuasanya terletak di tangan penghulu-penghulu Luak dan secara keseluruhannya dipertanggungjawabkan di bawah “Besar Empat Balai”.

Semasa pemerintahan kerajaan British, struktur organisasi sudah berubah. Kerajaan British telah memaksa Luak-luak yang lain dalam negeri Sembilan mengakui Yamtuan Seri Menanti sebagai Yamtuan (Yang di-Pertuan Besar) bagi seluruh Negeri Sembilan. Maka Yamtuan yang dilantik akan memerintah negeri bersama-sama dengan Undang Yang Empat iaitu Undang Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau.

Walaupun bagaimanapun, kuasanya tetap seperti sedia kala dan kedudukannya adalah sebagai seorang “Raja tiada bernegeri”. Sehingga sekarang Yamtuan tidak dibenarkan mencampuri urusan hal ehwal dalam Luak-luak yang dipimpin oleh Undang Yang Empat. Namun begitu, perlantikan Yang di-Pertuan Besar mestilah disahkan oleh Undang Yang Empat. Yang di-Pertuan Besar juga, tidak boleh mengadakan sesuatu majlis atau acara yang rasmi untuk negeri tanpa keizinan Undang Yang Empat.



Peta Tanah Melayu ini memperlihatkan daerah Adat Perpateh di-Negeri Sembilan dan Melaka.



Sa-orang Undang Luak dalam suatu upacara lengkap dengan alat kebesaran dan ahli2 lembaga-nya.